

# 13 guni anak kerang bernilai RM26,000 disita



SH  
31/12/2020  
ms: 26

Sebanyak  
13 guni  
anak kerang  
disita  
selepas  
ditinggalkan  
di atas jalan  
di Jalan  
Bagan  
Sekinchan  
pada Rabu.

**SEKINCHAN** - Jabatan Perikanan Selangor menyita 13 guni anak kerang bernilai RM26,000 yang ditinggalkan di atas jalan di Jalan Bagan Sekinchan di sini Rabu.

Pengarahnya, Abdul Rahman Abdul Wahab berkata, operasi pada jam 1 pagi itu dijalankan tiga anggota dari Cawangan Perlindungan Sumber Pelabuhan Klang, Jabatan Perikanan Selangor.

Menurutnya, lebih dua individu yang dipercayai mempunyai kaitan dengan kegiatan mengambil anak kerang di kawasan itu bagaimanapun mereka sempat meloloskan diri dengan menunggang motosikal ke kawasan kebun kelapa sawit.

“Sehingga kini, tiada pengakuan diri daripada mana-mana pihak berhubung tangkapan anak kerang terbabit.

“Kes disiasat mengikut Peraturan 4 (1) Peraturan-Peraturan Perikanan (Pemuliharaan Dan Kultur Kerang) 2002,” katanya.

Dalam pada itu, katanya, orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung aktiviti berkenaan diminta melaporkan kepada Pejabat Perikanan berhampiran.

“Kecurian berterusan ini menjejaskan pendapatan komuniti penternak di samping mengancam kelestarian sumber kerang di negeri ini,” katanya.